

11 APR 1999
Takraw-Dunia
KEJOHANAN DUNIA REBUT PIALA PERDANA

LANGKAWI, 11 April (Bernama) -- Malaysia akan menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw Dunia Antara Regu merebut Piala Perdana di Shah Alam pada 21-28 Nov depan.

Setiausaha Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) Syed Yazid Syed Abdan hari ini berkata kejohanan itu akan mempertandingkan Piala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau bagaimanapun tidak menyebut jumlah hadiah yang akan menjadi rebutan pada kejohanan itu.

Beliau berkata kejohanan itu akan menjadi gelanggang menguji kehandalan negara-negara peserta disamping mencungkil bakat-bakat baru.

Katanya sebanyak 24 negara, termasuk negara Asean dan Asia akan dijemput menyertai kejohanan itu.

PSM akan mengenal pasti negara-negara luar yang mempunyai pasukan sepak takraw untuk diundang memeriahkan kejohanan itu.

Mengenai Kejohanan GP Perilly's, Syed Yazid berkata Kedah dipilih sebagai satu daripada enam gelanggang kejohanan itu yang dianjurkan PSM di Sungai Petani mulai 4 hingga 9 Mei ini.

Beliau berkata kejohanan yang berlangsung di Kedah adalah pembuka tirai GP itu, manakala yang lain akan berlangsung di Selangor pada Jun, Johor pada Julai, Pahang pada Ogos, Sarawak pada 7 hingga 12 Sept dan GP akhir di Kuala Lumpur pada 21 hingga 26 Sept yang dianjurkan bersama persatuan negeri masing-masing.

Selain itu PSM akan turut menganjurkan kejohanan Piala Presiden Mei depan dan Kejohanan Belia pada Nov dan Dis.

-- BERNAMA
ZI NH zb